BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahagian pendahuluan bab ini akan menyentuh secara ringkas berkenaan latar belakang kajian, tujuan, skop, kaedah, bahan, dan konsep dalam kajian. Bahagian latar belakang akan menyorot kajian masa lalu yang membicarakan aspek runtutan sebagai satu ciri ketekstualan.

Tujuan kajian pula akan mengutarakan objektif kajian yang ingin dicapai oleh pengkaji, manakala skop kajian pula merujuk kepada batasan yang mengawal hala tuju kajian ini. Sementara itu, kaedah kajian akan menerangkan bagaimana kajian ini dijalankan, iaitu dengan menggunakan pendekatan tertentu untuk menganalisis bahan.

Selain itu, beberapa konsep penting yang berkaitan akan dikemukakan secara ringkas dalam bahagian akhir bab ini supaya dapat memudahkan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Beaugrande dan Dressler (1981 : 11), tautan dan runtutan merupakan antara ciri-ciri ketekstualan yang mendirikan sesebuah teks, selain tahap tujuan, tahap penerimaan, tahap maklumat, tahap situasi, dan tahap antara tujuan.

Sebagai satu cabang kajian, runtutan mula diberi perhatian seiring dengan perkembangan analisis wacana. Runtutan dibincangkan sebagai salah satu daripada unsur ketekstualan yang dianggap penting dalam proses pemahaman sesebuah teks.

Setakat yang diketahui, runtutan mula dibicarakan oleh van Dijk (1972) dalam bukunya **Some Aspects of Text Grammars: A Study in Theoretical Linguistics and Poetics.** Aspek runtutan disentuh oleh van Dijk dalam bab 8 yang membincangkan tentang operasi makro semantik dalam struktur naratif. Konsep runtutan yang dimaksudkan oleh van Dijk ialah runtutan semantik yang melihat kepada hubungan antara ayat, dengan penekanan terhadap struktur dalaman teks yang berbentuk puisi[1].

Dengan merujuk kepada puisi Reverdy, van Dijk (1972 : 278) menyatakan bahawa kelinearan runtutan puisi tersebut tidak mematuhi hukum dalam kebanyakan transisi, dan ini ditunjukkan melalui pelenyapan

agen (kata nama) dan aksi (kata kerja) sebagaimana hubungan runtutan ini dapat dikenal pasti dalam teks prosa. Dalam kajiannya ini, beliau menyatakan bahawa hubungan langsung semantik atau sintaktik tidak kelihatan secara eksplisit antara ayat, sebaliknya setiap perkataan dalam puisi tersebut boleh sahaja saling terikat antara satu sama lain secara metafora. Hubungan antara perkataan ini menurut van Dijk akan membentuk jaringan runtutan semantik.

Aspek runtutan sekali lagi disentuh oleh van Dijk (1977) dalam bukunya yang berjudul **Text and Context: Exploration in The Semantic and Pragmatic Discourse.** Van Dijk menghuraikan aspek runtutan ini dalam bab 4 buku tersebut. Antara lain, beliau menyatakan bahawa hubungan runtutan yang dapat dilihat antara bahagian-bahagian ayat dalam struktur modelnya haruslah mengandung nilai-nilai, seperti operator, kuantifier, predikat, argumen, dan sebagainya (van Dijk, 1977: 96). Seterusnya, beliau juga menyentuh aspek analisis runtutan dengan contoh-contohnya, pengaturan fakta dan pengaturan urutan. Selain itu, beliau juga menyentuh topik, komen, fokus dan peranannya dalam wacana.

Kajian mengenai runtutan juga dibuat oleh Vasiliu (1979) dalam artikelnya yang bertajuk "On Some Meaning of Coherence". Artikel ini termuat dalam buku **Text vs. Sentences : Basic Questions of Text**

Linguistics yang diedit oleh Petofi. Vasiliu (1979 : 450) dalam kajiannya menjurus kepada aspek pemaknaan runtutan dengan memberikan contoh-contoh ayat yang dianggap runtut dan tidak runtut. Antara lain, beliau menjelaskan bahawa runtutan merangkumi aspek ketekalan ayat, kebenaran di sisi urutan waktu, dan ayat-ayat yang mempunyai hubungan atau kesinambungan makna antara satu sama lain.

Dalam rumusan kajiannya, Vasiliu (1979 : 463) menegaskan bahawa perkataan runtutan itu harus dilihat berdasarkan tiga tahap, iaitu rujukan 1, rujukan 2 dan rujukan 3. Beliau juga menjelaskan bahawa ketekalan merujuk kepada rujukan 1 yang menekankan aspek semantik. Rujukan 2 pula menekankan kesempurnaan teks secara keseluruhannya, sementara rujukan 3 pula merujuk kepada darjah jangkaan yang terpancar dalam ayat-ayat yang sempurna tersebut.

Sementara itu, Marello (1979) pula menyentuh runtutan dalam kertas kerjanya yang berjudul "Text, Coherence, and Lexicon"[2]. Marello dalam kajiannya melihat kepada kajian runtutan teks yang terdahulu, seperti yang telah dikemukakan oleh Bellert (1970), Petofi (1978), dan van Dijk (1972)[3]. Beliau pada dasarnya lebih bersetuju kepada yang dikemukakan oleh Petofi (1978) yang dengan jelas melihat runtutan berdasarkan komponen leksikon dalam nahu teks. Antara lain beliau mengemukakan teori hubungan

runtutan dengan penekanan bahawa runtutan tekstual berbeza daripada konsistensi logikal.

Pada tahun 1981, van Dijk telah menulis tentang runtutan dalam kertas kerjanya "Semantic Discourse Analysis" yang termuat dalam buku **Handbook of Discourse Analysis Volume 2 : Dimensions of Discourse.** Dalam kajian ini, van Dijk meletakkan runtutan wacana sebagai sebahagian daripada komponen semantik wacana. Menurut van Dijk (1981 : 108),

> **"... the proposition sequence underlying an acceptable discourse must satisfy various conditions of what is called 'coherence'."**

van Dijk menyatakan bahawa urutan penyataan yang mendasari wacana hendaklah memenuhi beberapa syarat yang dipanggil runtutan. Ini bermakna van Dijk meletakkan runtutan sebagai asas wacana yang kukuh kerana konsep ini mendasari makna teks secara keseluruhannya.

Selain itu, beliau juga menjelaskan bahawa terdapat dua syarat runtutan semantik, iaitu runtutan bersyarat dan runtutan fungsional. Runtutan tidak dilihat melalui penyusunan ayat-ayat, tetapi dilihat berdasarkan makna ayat dan rujukannya[4]. Dalam peringkat yang lebih luas, konsep runtutan lokal dan runtutan global dikemukakan oleh van Dijk

untuk melihat kesinambungan fakta di peringkat klausa dan ayat yang seterusnya akan membawa kepada interpretasi teks.

Sementara itu, Ferrara (1985) dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Pragmatics"[5] turut membicarakan runtutan di bawah skop runtutan lokal dan runtutan global, sebagaimana yang dibincangkan oleh van Dijk (1981). Kedua-dua aspek ini dibincangkan dengan menggunakan kaedah analisis pragmatik yang berfokus kepada teks perlakuan ujaran. Dalam kajiannya ini, Ferrara telah mengemukakan konsep runtutan pragmatik yang berdasarkan keakraban jaringan hubungan antara konstituen perlakuan ujaran. Kajian Ferrara ini bertumpu kepada teks yang berbentuk dialog untuk melihat hubungan antara perlakuan-perlakuan ujaran dalam dialog tersebut.

Analisis pragmatik runtutan lokal dilakukannya ke atas teks yang berbentuk mudah dan ringkas untuk melihat hubungan antara ayat. Sebaliknya, analisis pragmatik runtutan global pula dibuat berdasarkan teks perbualan yang panjang antara dua orang pelajar di dalam sebuah kelas. Dalam perbualan tersebut, aspek giliran bercakap turut ditonjolkan oleh Ferrara.

Seterusnya, kajian runtutan disentuh oleh Beaugrande dan Dressler (1981) dalam bukunya **Introduction to Text Linguistics.** Dalam kajian ini, Beaugrande dan Dressler melihat aspek runtutan dengan merujuk kepada konfigurasi konsep pengetahuan dan hubungan yang terjalin dalam teks. Kesinambungan konsep pengetahuan dalam sesebuah teks dapat digambarkan melalui rangkaian maklumat dalam bentuk tipologi konsep.

Rangkaian maklumat atau jaringan runtutan ini menggabungkan konsep-konsep, iaitu konsep primer dan sekunder yang saling bergantung antara satu sama lain[6]. Menurut mereka, dalam sesebuah teks juga terdapat konsep primer yang berperanan sebagai pusat kawalan teks yang menentukan perkembangan konsep sekunder lainnya. Pemaknaan sebuah teks ini dilihat secara menyeluruh, iaitu setelah membaca keseluruhan teks dan mengeluarkan konsep-konsep penting di dalam teks dan melihat kepada hubungan yang terjalin antara konsep-konsep pengetahuan tersebut.

Kecenderungan untuk melihat tipologi ayat ini selaras dengan apa yang dikatakan oleh Werlich (1976 : 11) , iaitu:

> **"...text grammar would have to be founded on both typology of texts as a working hypothesis and a typology of sentences that was determined by and derived from it."**

Menurut Werlich, nahu teks itu patut dilihat dengan berdasarkan dua aspek, iaitu tipologi teks sebagai hipotesis yang praktikal dan tipologi ayat yang dapat dikenal pasti daripadanya.

Sementara itu, van Dijk dan Kintsch (1983) telah menyentuh tentang aspek runtutan semantik dalam bab 5 buku mereka yang berjudul **Strategies of Discourse Comprehension.** Dalam bab tersebut telah dinyatakan tentang strategi runtutan dalam sesebuah teks, iaitu dengan melihat kepada ayat-ayat yang terkandung dalam teks tersebut. Antara strategi yang digunakan ialah melihat kepada topik dan memahami ganti nama. Dalam proses meneliti makna teks, van Dijk dan Kintsch cuba mengenal pasti kata ganti nama yang terdapat dalam teks tersebut. Analisis ke atas teks yang terdapat dalam majalah ***Asia Week*** dilakukan oleh van Dijk dan Kintsch untuk tujuan ini.

Sementara itu, Brown dan Yule (1983) pula membicarakan aspek runtutan dalam bab 7 buku yang berjudul **Discourse Analysis.** Mereka menegaskan bahawa kebergantungan interpretasi mesej sesebuah teks yang dibuat berdasarkan struktur sintaktik dan item leksikal sahaja tidak memadai[7]. Dengan memberikan contoh beberapa keratan penyataan iklan, Brown dan Yule menyatakan bahawa kesinambungan idea antara ayat-ayat yang secara eksplisitnya tidak runtut dapat diinterpretasikan sebagai runtut

jika dilihat dari perspektif wacana. Selain itu, Brown dan Yule juga memberikan beberapa aspek penting dalam proses menginterpretasikan makna ujaran atau teks bertulis, iaitu mentaksir fungsi komunikatif, menggunakan pengetahuan umum sosiobudaya, dan menentukan kesimpulan yang hendak dibuat[8].

Penggunaan idea jaringan runtutan yang dikemukakan oleh Beaugrande dan Dressler (1981) digunakan oleh Glauner (1984) dalam tesis Ph.Dnya yang bertajuk **Written Discourse : A Model for Pragmatic Analysis.** Glauner, seperti Beaugrande dan Dressler, melihat hubungan antara konsep-konsep penting yang terkandung dalam teks, selain mencari pusat kawalan teks dalam proses pemaknaan teks tersebut. Dengan bermodelkan kaedah Beaugrande dan Dressler, Glauner juga meletakkan runtutan sebagai salah satu ciri ketekstualan yang memainkan peranan penting untuk memberikan makna kepada sesebuah teks.

Sementara itu, kajian mengenai runtutan juga turut dikemukakan oleh Werth (1984) dalam bukunya **Focus, Coherence, and Emphasis.** Werth telah membincangkan aspek runtutan ini dalam bab 4 dan 5. Werth (1984 : 60) menjelaskan bahawa kesempurnaan wacana tidak dilihat dari aspek nahu, sebaliknya dari sudut kekaitannya yang terpancar dalam empat perkara, iaitu tautan, kolokasi, penghubung dan runtutan. Keempat-empat

unsur ini membantu menyempurnakan sesebuah teks itu. Werth selanjutnya menjelaskan bahawa runtutan merangkumi hubungan formal dan semantik yang lazimnya terlihat dalam kolokasi dan anafora yang membentuk lingkaran rujukan.

Seterusnya, Tallei (1988) telah menyentuh aspek runtutan dalam kajiannya di peringkat Ph.D. Beliau menggunakan pendekatan analisis wacana untuk mengkaji keterpaduan, keruntutan, dan keterbacaan wacana buku pelajaran Indonesia di peringkat sekolah dasar.

Selain itu, runtutan (koherensi) juga dibincangkan oleh Eriyanto (2001) dengan secara mendalam dalam Bab 10, apabila beliau menghuraikan Model Wacana van Dijk dalam buku **Analisis Wacana : Pengantar Analisis Teks Media.** Dengan bersandarkan kajian van Dijk dalam **News as Discourse**, Eriyanto melihat kesesuaian penerapan Model Wacana van Dijk bagi menganalisis teks media, khususnya berita. Eriyanto (2001 : 242 - 249) memperjelaskan penggunaan kata hubung (konjungsi) sebagai penanda koherensi dalam ayat, yang boleh terdiri daripada koherensi kondisional mahupun koherensi pembeda.

Runtutan juga telah dibincangkan oleh Sanat (2001) dalam kertas kerja "Wacana Pantun Melayu" yang dibentangkan dalam **Seminar Pantun**

Melayu: Pantun Warisan Rakyat. Dalam kertas kerja ini, Sanat menganalisis tiga rangkap pantun dengan melihat kepada aspek tautan, runtutan, struktur tema, struktur maklumat dan subjek. Beliau menggunakan kerangka Beaugrande dan Dressler (1981) yang melihat runtutan dalam bentuk jaringan yang mempunyai pusat kawalan teks, iaitu konsep primer dan konsep sekunder yang menjadi penanda hubungan antara konsep[9].

Selain itu, dalam kertas kerja yang bertajuk "Undang-Undang Sastera, Sastera Undang-Undang dan Undang-Undang Bahasa", Sanat (1999) telah menggunakan pendekatan Tatabahasa Wacana Mega sebagai kerangka analisis beliau dalam menganalisis sajak "Bahasa"oleh Rahman Shaari dan sebahagian daripada petikan "Fasal 2 Undang-Undang Sungai Ujung". Dalam analisis ini, aspek runtutan turut dianalisis, selain daripada tautan, struktur tema, struktur maklumat, dan subjek.

Setakat yang diketahui, belum ada pengkaji dalam negara yang mengupas aspek runtutan secara mengkhusus. Didapati bahawa runtutan hanya disentuh sebagai satu ciri ketekstualan dalam analisis wacana.

Runtutan sering dibincangkan bersama dengan tautan, seperti yang dilakukan oleh Khatijah (1996) dalam tesis Ph.D beliau yang menulis tentang "Wacana Dalam Teks Penulisan : Satu Tinjauan Tentang Pertautan Analisis

Kohesi dan Koheren". Dalam kajian ini, Khatijah melihat penggunaan kohesi dan ciri-ciri koheren dalam karangan pelajar yang cemerlang dalam bahasa Melayu di peringkat UPSR dan PMR. Beliau juga mengemukakan cadangan bagaimana untuk meningkatkan kekohesian dan kekoherenan karangan. Selain itu, beliau juga mengusulkan agar pengajaran kohesi dan koheren dimulakan di peringkat sekolah rendah lagi.

Hasnah (2002) turut membincangkan aspek runtutan dan tautan dalam tesis Sarjana beliau yang berjudul "Analisis Tautan dan Runtutan dalam Teks Klasik dan Moden". Hasnah menggunakan kaedah soal selidik ke atas 100 responden untuk melihat bentuk kebahasaan manakah yang mempunyai tingkat tautan dan runtutan yang tinggi, di samping meninjau sejauh mana peranan tautan dapat melahirkan teks yang padu dan runtut. Dalam kajian ini, kerangka hasil penelititan Almeida dalam disertasi "The Interplay of Cohesion and Coherence in Native and Non-native Written Academic Discourse" (1984) digunakan bagi melihat kesan runtutan. Beliau merumuskan bahawa bagi mencapai tahap keruntutan bergantung kepada tahap dan kualiti pemahaman pembaca yang dibantu oleh faktor keterbacaan terhadap sesebuah teks. Sifat keterbacaan menghasilkan pemahaman, kelancaran dan kecepatan serta minat pembaca. Begitu juga dengan faktor latar belakang yang turut mempengaruhi tahap dan kualiti pemahaman pembaca.

Selain itu, Abd. Malek (1996) telah membuat kajian tentang "Analisis Wacana : Kohesi dan Koheren dalam Karangan" di peringkat latihan ilmiah. Dalam kajiannya, Abd. Malek menganalisis lapan puluh salinan karangan pelajar bahasa Melayu di Maktab Rendah Tampines, Singapura. Karangan tersebut dinilai dengan menggunakan kaedah analisis wacana, iaitu menggunakan pendekatan Salkie (1995) dalam bukunya **Text and Discourse Analysis.** Bagaimanapun, Abd. Malek sebenarnya hanya menghuraikan alat-alat kohesi leksikal yang dianggap boleh membantu menjadikan sesebuah teks itu koheren. Dalam kajian ini, huraian beliau difokuskan kepada alat-alat kohesi (tautan) yang boleh dimanipulasikan untuk tujuan tersebut.

Selain itu, runtutan juga dibicarakan oleh Siti Norngaliah (1997) dalam kajian tentang keterbacaan yang dilihat berdasarkan ciri-ciri ketekstualan di peringkat latihan ilmiah[10]. Dengan menggunakan pendekatan Beaugrande dan Dressler, konsep-konsep dalam runtutan yang diberikan tumpuan ialah atribut, lokasi, spesifikasi, kuantiti dan keadaan, hasil dan perbuatan. Dalam kajian ini, konsep primer dan sekunder tidak dibincangkan secara mendalam, sebaliknya hanya beberapa konsep pengetahuan yang dipilih secara rawak untuk tujuan penganalisisan teks. Ini kerana analisis teks dibuat berdasarkan ketujuh-tujuh ciri ketekstualan dan tidak mengkhusus kepada runtutan sahaja.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek runtutan dalam teks yang berbentuk puisi dengan mengenal pasti konsep-konsep primer dan sekunder yang terkandung dalam teks tersebut. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mentafsir maksud sajak dengan berdasarkan kepada pendekatan fungsi bahasa Liya' Budu, hasil daripada analisis konfigurasi konsep dan hubungan yang dikenal pasti dalam jaringan runtutan. Di samping itu, kajian ini bertujuan melihat perbandingan antara teks yang dikaji.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini dibuat melalui penelitian ke atas kumpulan puisi dalam antologi **Nyanyi Sunyi.** Analisis runtutan teks ini dilihat berdasarkan model Beaugrande dan Dressler, iaitu dengan mengenal pasti konsep-konsep penting wacana, khususnya konfigurasi konsep dan hubungan dalam runtutan yang membina struktur sesebuah teks. Konfigurasi konsep dan hubungan ini kemudian dilukiskan dalam bentuk tipografi untuk melihat jaringan runtutan dan seterusnya mencari makna teks secara keseluruhannya. Pencarian makna tidak lari daripada konsep fungsi bahasa sebagai **Liya' Budu** (Sanat, 1998: 116).

1.5 Bahan Kajian

Kajian ini dibuat berdasarkan antologi puisi karya Amir Hamzah, iaitu **Nyanyi Sunyi** (1937) yang memuatkan 24 buah sajak[11]. Teks ini dipilih untuk menjadi bahan kajian kerana Amir Hamzah merupakan tokoh penyair Pujangga Baru yang cukup berwibawa pada zamannya dan juga kerana puisinya bernafaskan Islam[12].

1.6 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kajian teks. Dalam kajian ini, teks dianalisis menggunakan model runtutan yang dikemukakan oleh Beaugrande dan Dressler (1981). Konsep-konsep primer dan sekunder dalam teks ini dikeluarkan dan digambarkan dalam bentuk jaringan runtutan untuk melihat konfigurasi konsep dan hubungan.

Seterusnya, penghuraian makna teks pula dibuat berdasarkan pendekatan fungsi bahasa yang dibuat oleh Sanat (1998). Analisis perbandingan makna antara teks juga dibuat bagi mengenal pasti idea-idea penting yang termuat dalam naskhah **Nyanyi Sunyi**.

1.7 Definisi Konsep

Yang berikut merupakan istilah penting yang dipakai dalam kajian ini.

1.7.1 Runtutan

Merujuk kepada kesatuan pemikiran yang terkandung dalam sesebuah teks.

1.7.2 Konsep

Merujuk kepada konfigurasi pengetahuan yang tekal.

1.7.3 Hubungan

Merujuk kepada pertalian antara konsep-konsep pengetahuan dalam sesebuah teks.

1.7.4 Jaringan Runtutan

Merujuk kepada rangkaian konsep yang membentuk satu kesatuan makna dan dilihat dalam bentuk tipologi.

1.7.5 Jaringan Nahu

Merujuk kepada rangkaian perkataan yang bertaut secara gramatikal dan dilihat dalam bentuk tipologi teks.

1.7.6 Tipologi/ Tipografi Teks

Merujuk kepada gambaran konsep pengetahuan yang dilukis dalam bentuk rajah tertentu.

1.7.7 Konsep Primer

Merujuk kepada konsep-konsep pengetahuan yang utama dalam teks.

1.7.8 Konsep Sekunder

Merujuk kepada konsep pengetahuan yang membantu menerangkan konsep primer.

1.7.9 Pusat Kawalan Teks

Konsep premier yang yang menjadi nadi atau kunci makna keseluruhan teks dan yang mengawal konsep-konsep sekunder dalam teks tersebut.

1.7.10 Sajak

Teks berbentuk puisi yang tidak terikat dengan pola-pola tertentu, seperti syair atau pantun.

1.7.11 Makna Denotatif

Merujuk kepada satu perkataan yang membawa satu konsep makna sahaja.

1.7.12 Makna Konotatif

Merujuk kepada satu perkataan yang mempunyai dua makna atau membawa kepada lebih daripada satu konsep makna.

NOTA HUJUNG:

---

1 van Dijk menyebutnya sebagai '*semantic coherent*'. Konsep ini merujuk kepada runtutan linear. Sesebuah teks itu boleh sahaja kelihatan tidak runtut jika dilihat kepada struktur luarannya, sebaliknya sudah tentu runtut jika diselami struktur dalamannya (rujuk Van Dijk, 1972 : 278).

2 Artikel ini tersiar dalam buku **Text versus Sentences** (1979) yang disunting oleh Petofi.

3 Rujuk Petofi, Janos (ed.) 1979. **Text versus Sentences**, hlm. 618 - 633.

4 Rujuk van Dijk (ed.) 1985. **Handbook of Discourse Analysis. Volume 2 : Dimension of Discourse,** hlm. 110.

5 van Dijk (ed.) 1985. **Handbook of Discourse Analysis. Volume 2 : Dimension of Discourse,** hlm. 137 - 157.

6 Empat konsep primer yang disebutkan oleh Beaugrande dan Dressler (1981) ialah objek, situasi, peristiwa, dan aksi, manakala 34 konsep sekunder yang dikemukakan mereka ialah agen, keadaan, entiti, hubungan, atribut, lokasi, masa, pergerakan, instrumen, forma, bahagian, bahan, kandungan, kausa, keupayaan, sebab, tujuan, persepsi, kognisi, emosi, kemahuan, pengenalan, komunikasi, kepunyaan, kesegeraan, spesifikasi, kuantiti, modaliti, signifikan, nilai, kesetaraan, ketaksetaraan, perujukan, dan perulangan (rujuk Beaugrande dan Dressler, 1981 : 96 -97).

7 Rujuk Brown dan Yule (1983 : 223).

8 Selain itu, proses pemahaman teks dapat dibuat dengan cara mencari makna ayat berdasarkan makna perkataan dan struktur ayat dan seterusnya jangkaan ayat seterusnya dapat dibuat berdasarkan makna ayat yang telah diproses sebelumnya (rujuk Brown dan Yule, 1983 : 234). Sementara aspek pengetahuan yang ditekankan tidak terkecuali daripada pengetahuan tentang latar belakang dengan mengambil kira konsep -konsep penting, seperti bingkai, skrip, senario, skemata, daan model mental. Aspek kesimpulan pula turut dilihat dalam bentuk kesimpulan yang dilenyapkan (Brown dan Yule, 1983 : 257).

9 Konsep primer yang dimaksudkan ialah objek, situasi, peristiwa dan tindakan. Manakala 34 konsep sekunder yang digunakan oleh Sanat ialah keadaan, agen, entiti terkesan, hubungan, atribut, lokasi, masa, gerakan, alat, bentuk, bahagian, bahan, kawalan, sebab, pembolehan, alasan, tujuan, apersepsi, kognisi, emosi, volusi, pengiktirafan, komunikasi, kepunyaan, contoh, spesifikasi, kuantiti, modaliti, nilai, equavalens, lawanan, rujukan bersama dan perulangan.

10 Rujuk latihan ilmiah Siti Norngaliah Mohd. Salihin, 1997, ***Keterbacaan Teks Berdasarkan Ciri-Ciri Ketekstualan***. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

11 Bagaimanapun hanya 23 buah sajak yang dikaji. Sajak ***Batu Belah*** dikecualikan daripada menjadi sebahagian daripada bahan kajian kerana sajak tersebut lari daripada pola ketuhanan. Sajak sepanjang 20 rangkap ini merupakan sebuah sajak berbentuk naratif, iaitu sebuah kisah yang amat terkenal di kalangan masyarakat Melayu lama. ***Batu Belah*** versi Amir Hamzah mengisahkan kekecewaan hati seorang ibu yang tidak dapat menyempurnakan keinginan anaknya untuk memakan telur ikan kemahang. Sikap anak manjanya yang mengamuk dan meraung-raung itu menambahkan kepiluan hati si ibu sehingga menyebabkan beliau mengambil tindakan nekad untuk membunuh dirinya. Beliau menyerahkan nyawanya kepada Batu Belah Batu Bertangkup.

Kisah ini agak berbeza daripada kisah ***Batu Belah*** yang turut popular di Tanah Melayu. Di kalangan masyarakat Melayu di sini, si ibu yang dikatakan kecewa kerana gagal memakan telur ikan tembakul yang dihabiskan oleh anak lelakinya. Akibatnya, si ibu merajuk lalu membawa dirinya kepada *Batu Belah Batu Bertangkup*.

12 Selain **Nyanyi Sunyi** (1937), karya Amir Hamzah juga berupa himpunan sajak dalam teks **Buah Rindu** (1941), **Setanggi Timur** yang merupakan terjemahan karya-karya Omar Khayyam, Bhagawad-gita dan Lie Tai Fo.